

BAYARAN BALIK EFT

2014

 /Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri
  /LHDNM
  1-800-88-5436(LHDN)

Electronic Fund Transfer (EFT)

- ➔ EFT adalah satu kemudahan perbankan untuk memindahkan dana (wang) dari akaun pembayar terus kepada akaun penerima melalui arahan elektronik
- ➔ LHDNM akan membuat bayaran balik lebih cukai atau lebih duti setem melalui EFT kepada semua pembayar cukai yang berkenaan

Kenapa Wujud Bayaran Balik?

- ➔ Bayaran balik wujud disebabkan oleh situasi berikut:
 - Pembayar cukai telah membuat bayaran cukai melebihi tanggungan cukai yang kena dibayar pada sesuatu tahun taksiran yang berkenaan
 - Bayaran balik dividen di bawah seksyen 110 Akta Cukai Pendapatan 1967
 - Lebihan bayaran Duti Setem akibat pengurangan atau pengecualian atau pembatalan duti

Tindakan Pembayar Cukai

- ➔ Laporkan pendapatan dengan tepat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan melalui kemudahan e-Filing pada tempoh yang ditetapkan
- ➔ Pastikan maklumat nama, nombor pengenalan diri, alamat e-mel dan maklumat akaun bank yang diisi adalah betul dan sama dengan rekod di bank
- ➔ Pastikan nombor akaun bank yang dilaporkan adalah nombor akaun individu yang aktif (bukan akaun gaji, akaun bersama atau akaun yang telah ditutup) dan akaun rasmi bagi syarikat

Bagaimana Bayaran Balik Melalui EFT Dimaklumkan?

- ➔ Semua bayaran balik yang telah di buat akan dimaklumkan melalui e-mel. Jika tiada alamat e-mel, pemakluman akan dibuat melalui surat
- ➔ Pembatalan bayaran balik akan dimaklumkan melalui e-mel/surat jika bayaran melalui arahan EFT gagal dikreditkan kepada akaun bank pembayar cukai

Kelebihan EFT

- ➔ Cepat kerana bayaran balik dikreditkan terus ke dalam akaun bank pembayar cukai
- ➔ Selamat kerana nombor akaun bank dan nombor pengenalan pembayaran cukai (2 kunci autentikasi) disemak sebelum bayaran dikreditkan oleh pihak bank
- ➔ Tidak berlaku kehilangan cek atau terlupa mendeposit cek ke bank

Senarai Nombor Pengenalan

- ➔ Nombor Kad Pengenalan Baharu
- ➔ Nombor Tentera/Nombor Polis
- ➔ Nombor Pendaftaran Syarikat
- ➔ Nombor Pasport

Bank Yang Terlibat Dengan EFT

- ➔ Bank-bank perdagangan yang ditubuhkan di Malaysia dan menjadi ahli MyClear IBG

Maklumat Penting

- ➔ Isi nama, nombor akaun bank dan nombor pengenalan yang betul di Borang Nyata Cukai Pendapatan/Borang Permohonan Bayaran Balik Duti Setem
- ➔ Pastikan:
 - Nombor akaun bank dan nombor pengenalan adalah betul dan sama dengan maklumat di akaun bank pembayar cukai
 - Alamat e-mel adalah betul
 - Akaun bank yang dilaporkan adalah akaun individu (pembayaran melalui akaun bersama tidak dibenarkan bagi kes bayaran balik selain duti setem)

BAYARAN BALIK EFT